

22 JAN 2002

RHB-UBG/I

RHB SECARA RASMINYA MASIH MENGADAKAN PERUNDINGAN DGN UBG

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Pengerusi Eksekutif Kumpulan Perbankan RHB Tan Sri Rashid Hussain hari ini berkata yang beliau secara rasminya masih lagi mengadakan perundingan dengan Utama Banking Group, Sarawak mengenai penjualan kepentingan beliau sebanyak 23.9 peratus dalam RHB kepada Utama sebagai sebahagian daripada rancangan penggabungan kedua-dua bank berkenaan, RHB Bank dan Bank Utama.

"Saya telahpun selesai menjalankan tugas saya, dan melakukan apa yang harus dilakukan. Kini, saya cuma menantikan perjanjian rasmi mengenai terma-terma yang telah dibincangkan," kata beliau kepada pemberita di luar majlis seminar anjuran RHB di sini hari ini.

Apabila ditanya sama ada harga merupakan batu penghalang untuk kedua-dua pihak mencapai persetujuan, Rashid berkata "itulah yang sering diperkatakan selama ini."

"Orang bercakap mengenai harga. Saya sememangnya tidak tahu tetapi yang pasti itulah dia (harga), saya pernah membayangkannya, malahan mereka (Lembaga UBG) telah bersetuju tetapi mereka berkata ia tertakluk kepada syarikat induk (lembaga pengarah Cahya Mata Sarawak)," kata beliau.

Ditanya sama ada beliau merasakan harga yang ditawarkan itu berpatutan, Rashid berkata: "Niaga janji yang saya minta itu adalah berpatutan dan profesional dan sekiranya orang lain mengatakan yang ia mahal, terima kasih."

Beliau berkata walaupun harga yang diletakkan mungkin tidak mencerminkan harga pasaran, ia tidak menyimpang daripada asas penilaian profesional.

Pada 15 Jan, Dr Mahathir telah berkata yang beliau berharap keputusan mengenai cadangan penggabungan itu dapat dibuat dalam tempoh minggu itu juga.

Semalam, Dr Mahathir, yang juga merupakan menteri kewangan berkata tempoh lanjutan selama enam bulan sehingga akhir bulan Jun telah diberikan kepada Utama untuk mencari rakan gabungan.

Bagaimanapun, Rashid membayangkan yang beliau tidak mahu menunggu lebih lama lagi memandangkan tarikh akhir yang terdahulu telahpun berlalu.

"Terus terang saya katakan, tidak perlu tunggu lebih lama lagi, tarikh akhirnya telahpun berakhir dan saya rasa tarikh akhir yang diberikan oleh perdana menteri minggu lepas amat wajar sekali. Saya telah menunggu selama satu tahun, berapa lama lagi harus saya tunggu," tanya beliau.

Apabila ditanya sama ada beliau bersedia mengubah terma dan syarat dalam usaha menyelesaikan niaga janji berkenaan, Rashid berkata yang beliau tidak akan berbuat demikian kerana bagi bahagian pihaknya, "segalanya telah jelas."

"Saya tidak fikir pada tahap pemahaman saya mengenai metodologi perbincangan dan penilaian, saya akan tersimpang daripada norma profesional.

"Mestilah ada asas penilaian profesional, dan saya percaya jika asas metodologi tidak jelas sejak dari awal lagi, kita tidak perlu tunggu sehingga sembilan bulan. Sudah tentu saya batalkannya dengan serta-merta," kata beliau.

Beliau mengingatkan yang RHB telahpun sedia menjadi bank peneraju dan "kami tidak perlu berbuat apa-apa, kami telah melaksanakan penggabungan lebih daripada orang lain dan oleh yang demikian, saya rasa jika kita mahu berkuasa, mestilah ada harganya," kata beliau.

Rashid turut menjelaskan yang beliau tidak mencari sebarang rakan penggabungan pada masa ini.

Ditanya sama ada beliau mempunyai apa-apa rancangan untuk berundur sebaik sahaja urusan niaga janji itu selesai, beliau berkata: "Bila dah jual, saya tidak ada hak untuk terus kekal di sini, saya akan tinggalkan kesemuanya."

Rashid merupakan pemegang saham terbesar RHB dengan 23.9 peratus kepentingan, diikuti dengan Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) dengan 22.7 peratus. -- BERNAMA

WNZ FR AA